

21/09/2003

Konsep kongsi kuasa ikhlas: Abdullah

KUALA LUMPUR: Barisan Nasional (BN) ikhlas mengamalkan konsep kongsi kuasa dengan memastikan setiap parti komponen mempunyai suara dalam sebarang keputusan atau dasar yang dibuat, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata tidak ada keputusan atau dasar yang dibuat oleh BN tanpa mengambil kira kepentingan parti kecil.

Katanya, parti kecil tidak pernah dipinggirkan dan ini menunjukkan kesediaan parti besar untuk tidak membolot kuasa dalam BN, sekali gus menjadi inti pati kepada kelangsungan BN hingga masih bertahan sejak 50 tahun lalu.

"Saya bangga kerana BN melambangkan kejayaan konsep kongsi kuasa dan menganggap kita berhak merayakan ulang tahun ke-50 BN kerana di bawah panji-panji politik inilah, semua kaum dapat disatukan.

"Bermula dengan Perikatan pada era kemerdekaan dan kemudian diperluaskan menjadi BN, Malaysia muncul sebagai antara negara termaju dalam tempoh tidak sampai 50 tahun," katanya.

Abdullah yang juga Timbalan Pengerusi BN berkata demikian ketika berucap pada Perayaan Ulang Tahun ke-50 Kecemerlangan Kongsi Kuasa BN di Stadium Merdeka, semalam.

Beliau berkata, BN amat unik kerana mewakili semua kaum di Malaysia dan ini memastikan pembangunan yang dijalankan tidak mengetepikan kepentingan mana-mana pihak sama ada dari segi kaum, agama serta golongan kaya atau miskin.

"Semua pihak mendapat tempat dalam pembangunan Malaysia. Ini menjadikan BN sebagai formula kongsi kuasa politik paling hebat di dunia dan berkesan sejak diperkenalkan hingga kini," katanya.

Abdullah berkata, Malaysia juga bertuah kerana mempunyai pemimpin yang bukan saja bersungguh-sungguh memajukan negara, tetapi berpegang teguh kepada konsep kongsi kuasa.

Katanya, pemimpin negara sendiri menunjukkan teladan paling baik terhadap konsep ini kerana mereka memastikan kongsi kuasa kekal dilaksanakan dengan baik supaya terus diwarisi hingga hari ini.

"Ada kesinambungan daripada satu pemimpin kepada pemimpin negara seterusnya dan hasilnya, negara terus maju dan mencapai kejayaan membanggakan. Inilah yang menyebabkan kita perlu berterima kasih kepada pemimpin negara sebelum ini.

"Kita juga masih mempunyai pemimpin seperti Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang meneruskan konsep kongsi kuasa tulen dan berlaku adil terhadap semua parti komponen," katanya.

Katanya, jasa Dr Mahathir terhadap negara amat besar dan sepanjang pemerintahannya selama 22 tahun sudah membawa Malaysia mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang.

Lebih penting, katanya pemerintahan Perdana Menteri membawa perubahan besar terhadap keyakinan rakyat untuk mencapai kejayaan setanding negara maju melalui semangat Malaysia Boleh.

"Saya menganggap penerapan semangat keyakinan itu sebagai asas kepada kejayaan negara yang lebih besar pada masa depan, terutamanya bagi merealisasikan Wawasan 2020," katanya.

Pada masa sama, Abdullah meminta rakyat terus memberikan kerjasama kepada BN supaya kejayaan lebih besar itu menjadi kenyataan, walaupun Perdana Menteri bersara selepas Oktober ini.

Katanya, Dr Mahathir menegaskan agenda memajukan negara masih belum selesai dan menjadi tanggungjawab bukan saja pemimpin, tetapi lebih penting rakyat untuk meneruskan usaha menjadikan Malaysia sebagai negara yang cukup cemerlang.